

23/10/2001

Pas akan kemuka gagasan negara Islam

PAS akan mengemukakan kerangka gagasan negara dan kerajaan Islam parti itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Presidennya, Datuk Fadzil Noor, berkata pihaknya kini berusaha menyiapkan kerangka itu secepat mungkin dan akan cuba mengemukakannya kepada Perdana Menteri sebelum akhir tahun ini.

"Perdana Menteri, dalam Perhimpunan Agung Umno lalu, meminta supaya Pas menerangkan kepada dia, InsyaAllah kita akan terangkan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Pas sebelum ini berdolak dalih mengenai isu itu dan menyatakan hanya akan mengemukakan konsep berhubung kerajaan Islam selepas memenangi pilihan raya.

Fadzil bagaimanapun enggan menyatakan bentuk kerangka gagasan kerajaan Islam yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri tetapi menyatakan ia sudah ada dan diterangkan kepada rakyat.

"Dari segi konsep ada, memang kita terang dalam ucapan kita dan manifesto kita. Memang sudah ada, cuma kita nak sediakan dalam bentuk memorandum kepada Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata, Pas akan menunggu reaksi Perdana Menteri dan bersedia berdebat atau mempertahankan pendirian parti itu jika diminta Umno.

(END)